

BH

Berita Harian

MERENTAS GENERASI

www.bharian.com.my

BH · 15 Mei 2017

MS. 1

EKSKLUSIF!



Lanun rimba tarah Taman Negara

9 kem pembalakan haram beroperasi di kawasan hutan simpan, hutan terlindung, Taman Negara di Sarawak digempur, 11,000 kayu bakau, 1,180 kayu balak bernilai tinggi dirampas → Ms.6/7



Ops Rajang II mengesan sembilan kem pembalakan haram berhampiran Taman Negara Bakau Rajang.

Lanun rimba tebang 12,000 bakau, balak

BH. 15 Mei 2017
ms. 6 + 7

→ Hutan simpan dan terlindung, Taman Negara di Sarawak diceroboh

Oleh Hardi Effendi Yaacob
hardi@bh.com.my

■ Tanjung Manis

Di sebalik ketegasan kerajaan negeri memerangi pembalakan haram, lanun rimba didapati semakin rakus menjalankan kegiatan haram mereka, termasuk menaruh hutan simpan, hutan terlindung dan Taman Negara.

Penemuan terbaru Jabatan Hutan Sarawak (JHS) di Kuala Rajang dan Kuala Belawai, di sini, cukup membimbangkan apabila kegiatan haram itu berlaku bersebelahan Taman Negara Bakau Rajang dan Hutan Paya Terlindung Loba Pulau.

Bukan sekadar kayu bakau yang mempunyai permintaan tinggi dalam sektor pembinaan untuk dijadikan kayu cerucuk, sindiket pembalakan turut menyasarkan pelbagai spesies kayu balak bernilai tinggi di kawasan terbabit.

Berikut itu, JHS melancarkan

operasi khas, Ops Rajang II bermula 2 hingga 4 Mei lalu, membabitkan keseluruhan sembilan kem pembalakan haram digempur di kawasan pemantauan berkeluasan kira-kira sejuta hektar.

Bantuan asset logistik udara

Pelbagai helah licik digunakan lanun paya berkenaan bagi mengabui kegiatan haram mereka, namun gagal memperdayakan anggota penguat kuasa yang turut dibantu asset logistik udara seperti pesawat ringan dan helikopter, selain bot peronda.

Penggunaan Sistem Taktikal Udara Bersepadu (CATS) berteraskan teknologi pencerapan hiperspektral dan pengimejan satelit turut membantu anggota penguat kuasa mengenal pasti kedudukan tepat kem pembalakan haram itu, selain lokasi persembunyian balak mereka.

Hasilnya, JHS menemui dan merampas 11,000 kayu bakau bersama 1,180 balak pelbagai spesies, dengan keseluruhan nilai rampasan dianggarkan mencecah RM500,000 mengikut pasaran semasa.

Ketua Unit Pembangunan Aplikasi Sistem (SADU) JHS, Dr Affendi Sulaili, berkata perubahan modus operandi itu jelas menunjukkan sindiket pembalakan haram semakin 'tersepit' susulan operasi besar-besaran dilaksanakan kerajaan negeri bagi memerangi kegiatan itu.

"Kerakusan mereka mencetuskan kebimbangan, lebih-lebih lagi kegiatan

tan haram itu berlaku berhampiran Taman Negara Bakau Rajang. Ia bukan hanya menjelaskan hasil negeri, malah dikhuatiri boleh menyebabkan kerosakan alam semula jadi, khususnya kepelbagaiannya biodiversiti.

"Kawasan paya bakau berperanan terhadap kestabilan ekosistem, selain fungsinya sebagai pusat perlindungan dan pembiakan pelbagai hidupan maritim," katanya kepada BH yang turut serta dalam operasi khas itu.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati kebanyakan kayu bakau dan balak haram ditemui itu masih dalam keadaan 'segar', dipercayai di-tebang dalam tempoh seminggu sebelum serbuan dilakukan.


"Ia jumlah rampasan tertinggi membabitkan kayu bakau. Berbanding spesies balak biasa, nilainya mungkin agak kecil, namun ia mendapat permintaan tinggi, terutama dalam sektor pembinaan untuk dijadikan kayu cerucuk.

"Ini yang mendorong sindiket pembalakan beralih kepada kayu bakau dan kayu paya lain. Bukan hanya permintaan tinggi, malah ia lebih mudah diperoleh dan diproses," katanya.


Bagi JHS, perubahan trend pembalakan haram yang kini dikesan mula menular ke kawasan hutan paya dipandang serius, malah operasi pemantauan dan penguatkuasaan terus digandakan bagi mengekang kegiatan berkenaan.

BH PLUS

di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video



Ops Rajang II dedah taktik lanun rimba sasar hutan dilindungi.

**Info****Ops Rajang II**

- Menggunakan Sistem Taktikal Udara Bersepadau (CATS) bersandarkan teknologi pencerapan hiperspektral dan pengimejan satelit
- Memudahkan anggota penguat kuasa JHS mengenal pasti kedudukan tepat kem pembalakan haram dan lokasi persembunyian kayu balak
- JHS adalah agensi penguatkuasaan pertama di negara ini memiliki sistem pengesahan canggih berkenaan
- Menggabungkan penggunaan pesawat pemantau, helikopter peninjau dan bot peronda



Kayu bakau dikumpul di tebing sungai bagi memudahkan dipindahkan ke dalam kapal tongkang milik sindiket.

Sindiket peralat penduduk kampung

Tanjung Manis: Pelaksanaan Ops Rajang II menyaksikan lanun rimba atau lanun paya merancang rapi kegiatan mereka, termasuk memperalatkan penduduk kampung, khususnya penghuni rumah panjang yang tinggal berhampiran lokasi sasaran.

Ketua Unit Pembangunan Aplikasi Sistem (SADU) JHS, Dr Affendi Suhaili mendedahkan taktik itu bagi memperdayakan anggota penguat kuasa ketika serbuan dilakukan, terutama di lokasi pengumpulan kayu bakau atau kayu balak dipercaya ditebang secara haram.

"Biasanya, apabila serbuan atau pemeriksaan dilakukan, orang kampung akan memberi alasan kayu bakau atau kayu balak itu adalah untuk kegunaan sendiri. Namun, anggota penguat kuasa kita tidak mudah di-perdayakan."

"Dari segi rasional, apakah logiknya orang kampung mahu menggunakan sendiri 11,000 batang kayu bakau yang kita temui dalam operasi kali ini. Hasil siasatan kemudian mendapati orang kampung diperalatkan sebagai pembekal kayu bakau berkenaan oleh sindiket pembalakan," katanya.

Kumpul di tebing sungai

Beliau berkata, berdasarkan kepada modus operandi digunakan, kayu bakau itu ditebang dan ditempatkan di lokasi pengumpulan di tebing sungai bagi memudahkan ia dipindahkan ke dalam kapal tongkang milik sindiket pembalakan sebelum dihantar ke kilang pemprosesan.

"Dalam Ops Rajang II, anggota penguat kuasa berdepan kesukaran apabila tindakan merampas kayu bakau itu menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan orang kampung. Namun, kita perjelaskan modus operandi ini sudah kita ketahui dan setiap tindakan dilakukan mengikut lunas perundangan," katanya.

Di Sungai Ronai dan Sungai Grang berhampiran Taman Negara Bakau Rajang pula, sindiket pembalakan mengupah warga asing sebagai penebang balak yang bergerak dalam kumpulan kecil, selain beroperasi pada lewat malam dan awal pagi bertujuan mengelak dikesan pihak berkuasa.

"Dalam Ops Rajang II, unit risikan kita terpaksa bergerak awal pagi menggunakan bot peronda bagi memantau pergerakan penebang balak itu. Malah, penggunaan perahu kecil memberi mereka kelebihan kerana memudahkan pergerakan dalam laluan sungai yang kecil dan bersimpang siur," katanya.

Fakta nombor

1 JUTA

hektar kawasan pemantauan Ops Rajang II